



## KENYATAAN MEDIA

### SITUASI TERKINI JANGKITAN COVID-19 DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

13 Syawal 1441 / 05 Jun 2020

1. Kementerian Kesihatan ingin memaklumkan kepada orang ramai bahawa pada hari ini, Jumaat, 13 Syawal 1441H bersamaan 05 Jun 2020M, Alhamdulillah dengan izin Allah Subhanahu Wa Ta'Ala jua, **tidak ada kes baru** jangkitan COVID-19 telah disahkan di negara ini. Ini bermakna **jumlah keseluruhan kes COVID-19 di negara ini kekal seramai 141 orang** manakala **jumlah kes yang telah sembuh ialah seramai 138 orang.**
2. Pada masa ini, hanya **satu kes aktif** masih dirawat di Pusat Pengasingan Kebangsaan. Beliau masih dalam keadaan kritikal dan memerlukan bantuan mesin tambahan *heart/lung machine (ECMO)* dan mesin pernafasan. Sama-samalah kita berdoa semoga Allah Subhanahu Wa Ta' Ala memberikan kesembuhan sepenuhnya kepada beliau. Aamiin Aamiin Ya Rabbal Alamin.

3. Dalam tempoh 24 jam yang lalu, sebanyak **414 sampel** telah diuji bagi virus SARS-CoV-2 yang membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 kepada **20,619 ujian**.
  
4. Berikutan makluman mengenai **BruHealth App**, Alhamdulillah setakat ini sejumlah **275,743 orang ramai** telah mendaftar sebagai pengguna aplikasi tersebut. Manakala, sejumlah **5,661 syarikat dan premis** telah mendaftar kepada aplikasi tersebut.
  
5. Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari laman web Kementerian Kesihatan iaitu **www.moh.gov.bn** atau menghubungi **Talian Nasihat Kesihatan 148** atau melalui aplikasi **healthinfo.gov.bn**.

- **TAMAT** -

Rujukan : KK/PR/2

Tarikh : 13 Syawal 1441H / 5 Jun 2020